



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

KENYATAAN MEDIA

NRES KOMITED MANFAAT PERUNTUKAN BELANJAWAN 2025 MEMACU PEMBANGUNAN MAMPAN SEKTOR SUMBER ASLI, KELESTARIAN ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

1. Bertemakan ‘Membugar Ekonomi, Menjana Perubahan, Mensejahtera Rakyat’ Belanjawan 2025 yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim menzahirkan komitmen kerajaan terhadap usaha pemulihan ekonomi, menguasai aspek inovasi, selain memastikan pengagihan kekayaan yang lebih adil dan saksama. Ia secara tidak langsung memperkuuh iltizam negara dalam membina serta membangun masa depan yang hijau, digital, dan berdaya tahan (*resilient*) sambil terus membela golongan terpinggir dalam usaha menggapai status negara berpendapatan tinggi (*high income nation*).
2. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) menzahirkan penghargaan atas keprihatinan Kerajaan yang memperuntukkan sejumlah **RM2.27 bilion** iaitu **kenaikan sebanyak 2.95%** berbanding Belanjawan 2024. Peruntukan ini merangkumi **RM1.41 bilion** bagi **perbelanjaan mengurus** dan **RM0.86 bilion** bagi **perbelanjaan Pembangunan**. Peruntukan ini bakal memberi lebih ruang kepada NRES untuk menumpukan usaha-usaha yang komprehensif demi membina masa depan yang lebih berdaya tahan, inklusif dan lestari untuk semua rakyat Malaysia.
3. Melalui **Belanjawan 2025** ini, Kerajaan kekal **komited melindungi khazanah alam** melalui peningkatan peruntukan **Dana Ecological Fiscal Transfer (EFT)** kepada **RM250 juta**, berbanding RM200 juta bagi menyokong usaha negeri melindungi hutan dan hidupan liar. Kriteria **pengagihan EFT** akan ditambahbaik iaitu 50 peratus peruntukan yang diagihkan tertakluk kepada prestasi perbelanjaan Kerajaan negeri, berbanding 30 peratus pada masa ini.

4. Dalam pada itu, peruntukan **RM80 juta** disediakan di bawah **Program Perlindungan Biodiversiti dan Rondaan (BP3)** dan **Smart Patrol di kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK)** dalam **Central Forest Spine (CFS)** untuk melantik **2,500 renjer komuniti** berbanding 2,000 orang pada tahun ini. Ia melibatkan peruntukan RM27 juta kepada Veteran ATM dan PDRM, RM33 juta kepada renjer komuniti Sabah dan Sarawak serta RM20 juta kepada komuniti Orang Asli. Peruntukan besar ini merupakan bukti pengiktirafan Kerajaan kepada renjer komuniti dalam membanteras aktiviti penyeludupan haram, pencerobohan tanah, pembalakan haram serta pemburuan hidupan liar demi memastikan kelestarian khazanah biodiversiti negara dapat dikekalkan.
5. Kerajaan turut menyokong **pembangunan industri unsur nadir bumi (REE)** tempatan melalui modal perniagaan dan kerjasama serta pelaburan dari negara asing. Kerajaan merancang untuk melaksanakan **pemetaan potensi sumber REE seluruh Malaysia** pada tahun hadapan dan bercadang **meminda Akta Pembangunan Mineral 1994 [Akta 525]**. Ia bagi memperkasa bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, khususnya yang melibatkan elemen kuota perlombongan, kawalan, pemantauan, penalti dan pengenaan duti eksport.
6. NRES juga menyambut baik pelaksanaan **Rang Undang-Undang Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon (CCUS)** dan pengenalan **Cukai Karbon** di Malaysia. Langkah ini antara lain membantu usaha transisi kepada ekonomi rendah karbon serta pencapaian sasaran pelepasan gas rumah hijau (GHG) bersih sifar pada tahun 2050 dan lain-lain sasaran perubahan iklim negara.
7. Selain itu, pelaksanaan **Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS)** dengan pembiayaan sebanyak **RM 1 bilion** bersamaan jaminan Kerajaan sehingga 80% bagi tempoh sehingga tahun 2026 mampu menggalakkan sektor industri tempatan beralih kepada penggunaan produk dan perkhidmatan hijau dan rendah karbon.

8. Bagi menyokong ekonomi kitaran, Kerajaan juga memberi **potongan cukai ke atas sumbangan atau penajaan Smart Artificial Intelligence – Driven Reverse Vending Machine**, dan dilanjutkan sehingga 31 Disember 2026. Usaha ini secara tidak langsung akan memupuk budaya pengasingan sisa botol plastik dan membuang di tempat yang betul seterusnya menyumbang kepada pemeliharaan alam sekitar yang lestari.
9. Kerajaan juga memberi penekanan terhadap aspek penguatkuasaan alam sekitar melalui usaha **pengukuhan penguatkuasaan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan penambahbaikan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974** dengan peruntukan berjumlah **RM3.9 juta**. Melalui penambahbaikan akta ini akan dapat memastikan aspek perundangan berkaitan alam sekitar akan kekal relevan dalam mendepani cabaran semasa.
10. NRES komited untuk meneruskan dan melaksanakan inisiatif secara berterusan dalam memperkuuh sokongan pembangunan negara ke arah pencapaian matlamat Pembangunan Mampan 2050.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)

19 OKTOBER 2024